

PhyMill bantu pesakit kanak-kanak jalani rawatan fisioterapi

Sinar Harian (27/11/2020) Sinar Negeri Pahang refs: 30

KUANTAN - Penyelidik **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** berjaya menghasilkan alat senaman automatik, *Smart Physio-Treadmill (PhyMill)* bagi membantu juruterapi dan pesakit kanak-kanak menjalani rawatan fisioterapi.

Inovasi itu dihasilkan khas untuk membantu pesakit kanak-kanak yang mengalami gangguan kebolehan mengawal kedudukan dan pengaktifan badan disebabkan kerosakan pada otak atau serebral palsy menjalani latihan pergerakan berjalan.

Alat itu turut membantu juruterapi dalam melakukan latihan rehabilitasi ke atas pesakit semasa sesi fisioterapi terutamanya yang melibatkan pergerakan bahagian bawah anggota badan.

Ketua penyelidik yang juga pensyarah Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif UMP, Dr Mohd Azrul Hisham Mohd Adib berkata,

PhyMill merupakan alat senaman automatik untuk melatih pergerakan berjalan bagi pesakit yang sedang menjalani rawatan.

Menurutnya, PhyMill dihasilkan sepenuhnya pasukan rehab di bawah Kumpulan Kejuruteraan Manusia (HEG) daripada Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif.

"Gabungan idea antara pakar fisioterapi dan penyelidik menjadikan penghasilan PhyMill lebih mudah digunakan dan memenuhi keperluan pesakit," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Dr Mohd Azrul Hisham berkata, alat senaman automatik itu kini diserahkan untuk kegunaan Kuantan Physical Therapy-Physiotherapy Center.

Katanya, PhyMill yang bersaiz kecil memudahkan ia dibawa mengikut kehendak dan keperluan pesakit.



Dr Mohd Azrul Hisham membantu pesakit kanak-kanak menggunakan PhyMill sambil diperhatikan pakar fisioterapi, Narimah Daud (dua dari kiri) semasa menyerahkan peralatan itu untuk kegunaan Kuantan Physical Therapy-Physiotherapy Center baru-baru ini.

"Alat ini mempunyai tiga cara pengendalian iaitu mengawal pergerakan pesakit berjalan ke hadapan dan ke belakang.

"Ia dikawal secara automatik dengan hanya menekan butang khas disediakan.

"Pesakit boleh melaras

kelajuan berjalan mengikut aras latihan rehabilitasi yang ditentukan oleh juruterapi melalui butang kawalan kelajuan pada alat ini," katanya.

Dr Mohd Azrul Hisham berkata, lebih membanggakan apabila produk itu turut mendapat

pengiktirafan dengan meraih pingat perak pada Pameran Pameran Penciptaan, Inovasi, Penyelidikan & Teknologi (CITREX 2019) dan Festival Inovasi Teknologi Hijau Antarabangsa (i-FINOG 2019) baru-baru ini.